



ARCHBISHOP OF KUALA LUMPUR
(USKUP AGUNG KUALA LUMPUR)

528, Jalan Bukit Nanas, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-2078 8828/ 2078 5089/ 2072 6606 | Fax: 603-2031 3815
archbishop@archkl.org | www.archkl.org

17 Mac 2020

**PENJAGAAN PASTORAL BAGI KEUSKUPAN AGUNG KUALA LUMPUR
DI BAWAH PERINTAH SEKATAN PERGERAKAN**

Kepada para Paderi, religius dan umat beriman,

Seperti yang kita telah maklum, negara kita telah diletakkan di dalam Perintah Sekatan Pergerakan (PSP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1965, yang akan berkuatkuasa dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020 (tempoh sekatan).

Memandangkan sekatan tambahan berkaitan pergerakan dan aktiviti yang dikenakan oleh PSP, saya telah memutuskan untuk mengeluarkan arahan lanjut selaras dengan arahan di atas untuk memastikan penjagaan pastoral bagi umat beriman sentiasa berterusan atau tidak terlalu terjejas.

Langkah-langkah tambahan ini akan berkuatkuasa dari 18 Mac 2020 dan akan dikaji semula menjelang tempoh sekatan berakhir:


- a) Penangguhan semua Misa hari Minggu dan harian, perhimpunan, mesyuarat, kelas katekismus dan sesi IKD, seperti yang diputuskan dan diwartakan dalam surat tiga Keuskupan /Agung Semenanjung Malaysia bertarikh 12 Mac 2020, akan diteruskan sehingga 31 Mac 2020.
- b) Semua Gereja dan Chapel akan ditutup selaras dengan perintah PSP.
- c) Anda boleh mengikuti Misa dalam talian, dari rumah anda dan diajak untuk terus membuat komuni rohani dalam tempoh ini.
- d) Semua paderi diminta untuk merayakan Misa peribadi masing-masing.
- e) Pejabat keuskupan agung dan semua pejabat paroki akan ditutup kepada orang awam semasa tempoh sekatan tetapi paroki-paroki harus menyediakan nombor talian kecemasan untuk melayani kes-kes kecemasan yang memerlukan pelayanan dan sokongan pastoral. Kakitangan keuskupan agung dan paroki diminta untuk bekerja dari rumah.
- f) Bagi sakramen pertobatan (pengakuan), pengurapan orang sakit dan Komuni Kudus, ia adalah dikhaskan untuk kes-kes kritikal. Sila hubungi nombor talian

telefon kecemasan paroki dan berikan butiran. Komuni Suci adalah dikhususkan kepada mereka yang bukan dalam keadaan kritikal, haruslah ditangguhkan hingga masa sekatan tamat.

- g) Pasangan yang dijadual berkahwin pada tempoh sekatan dan pada bulan April dan Mei, hendaklah menghubungi Paderi Paroki untuk berbincang tentang perancangan anda selaras dengan sekatan PSP.
- h) Pengebumian dan ruang pengebumian dalam gereja harus mematuhi sepenuhnya garis panduan dan sekatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak berkuasa gereja. Sila hubungi Paderi Paroki untuk maklumat lanjut.
- i) Kami menyeru semua KED untuk bergabung tenaga dan bekerjasama dengan pelayanan Pembangunan Insan Integral di paroki masing-masing untuk menyokong dan memperhatikan keperluan golongan yang lemah, warga tua, yang sakit, mereka yang hidup bersendirian, mereka yang dilanda krisis kewangan akibat krisis ini dan petugas-petugas kesihatan yang merupakan barisan hadapan dalam menangani pandemik ini.
- j) Persiapan dan perayaan Upacara-upacara Tobat IKD kini ditangguhkan.
- k) Misa Krisma yang dijadualkan pada 31 Mac 2020 dibatalkan. Kami akan menilai keadaan semasa untuk menentukan sama ada terdapat keperluan penangguhan kepada tarikh yang lain. Arah selanjutnya berkaitan dengan Perayaan Minggu Suci, perayaan Misteri Paskah (Sakramen-sakramen Inisiasi) akan bergantung kepada perkembangan krisis dan arahan selanjutnya dari pihak berkuasa awam.

Walaupun kita secara terpisah dari antara satu dengan yang lain semasa pengasingan sosial ini, kita tetap bersatu padu di dalam peribadi Yesus Kristus, Tuhan dan Juruselamat kita. Seperti yang diperingatkan oleh Sto Paulus: "Aku yakin bahawa tiada sesuatu pun dapat menghalang Kristus mengasihi kita: baik kematian mahupun kehidupan, baik malaikat mahupun penguasa lain di angkasa, baik hal-hal yang berlaku sekarang mahupun pada masa yang akan datang, baik hal-hal yang di langit mahupun yang di bumi – tidak ada sesuatu pun di alam semesta yang dapat menghalang Allah mengasihi kita, seperti yang sudah ditunjukkan-Nya melalui Kristus Yesus, Tuhan kita! " (Roma 8: 38-39)

Dalam kasih Yesus



+ Uskup Agung Julian Leow
Keuskupan Agung Kuala Lumpur